

1. **PARA** penumpang melintasi pintu masuk di Stesen MRT Bukit Bintang.
2. **PERDANA** Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ceria bersama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan bekas Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar ketika menaiki tren MRT ke Stesen Sungai Buloh selepas melancarkan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) bagi fasa pertama di Stesen Kwasa Damansara.
3. **KERJA-KERJA** pembinaan Stesen MRT Maluri (bawah tanah) yang dirakam pada 10 Mac 2015.
4. **EFEK** menarik apabila menggunakan *slow shutter speed* ketika tren MRT melalui terowong penghadang bunyi.



Mempunyai 31 buah stesyen di sepanjang 51km jarak perjalanannya merupakan subjek paling menarik buat para jurugambar mengabadikan penerokaan...

Kembara fotografi bersama MRT

MASS Rapid Transit atau akronimnya, MRT kini menjadi salah satu pengangkutan awam paling efisien di ibu kota.

Menaiki MRT adalah pilihan yang tepat dan sesuai dengan gaya hidup masa kini, selain menjadi alternatif terbaik bagi mengelakkan diri terperangkap dalam kesesakan lalu lintas.

Diluluskan pada Disember 2010 dengan pelaksanaan jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang sebagai jaringan laluan pertama sistem MRT Lembah Kelang. Laluan ini yang telah mula dibuka sejak 16 Disember tahun lalu itu bukan sekadar dijadikan pengangkutan awam.

Sebaliknya, MRT yang bermula dari Sungai Buloh iaitu di barat laut Kuala Lumpur, melalui pusat bandar raya dan berakhir di Kajang.

Mempunyai 31 buah stesen di



OLEH
ABDUL RAZAK
LATIF
razaklatif@gmail.com

sepanjang 51 kilometer (km) jarak perjalanannya, laluan ini merupakan subjek paling menarik buat jurugambar mengabadikan penerokaan itu.

Sebagai peminat projek MRT, saya mempunyai pelbagai koleksi gambar dari sebelum pembinaan sehingga ia siap dan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Jika diberi peluang oleh pihak MRT untuk merakamkan gambar proses pembinaan terowong ataupun stesen MRT bagi Laluan Kedua, Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya, ia pasti lebih menarik.



Tren MRT bergerak dengan latar belakang bandar raya Kuala Lumpur.